



SYARAT PELAKSANAAN SIAHAH SYAR'IIYAH UNTUK MEMBENTUK DASAR KESEJAHTERAAN KELUARGA DALAM NEGARA BERMASYARAKAT MAJMUK

Awang Nib Zuhairi Awang Ahmad

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

Email: nibz@sarawak.gov.my

Dr. Hadenan Towpek

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 94300 Kota Samarahan, Malaysia

Email: hadenan298@uitm.edu.my

Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 94300 Kota Samarahan, Malaysia

Email: abdurak1@uitm.edu.my

ABSTRAK

Kesyumulan Islam telah pun diiktiraf sebagai satu ajaran yang mengatur kehidupan manusia untuk mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan. Lantaran itu, kepimpinan dalam sesebuah negara diberikan peranan untuk memastikan elemen-elemen siasah syar'iiyah dapat diterapkan dalam pentadbiran negara. Siasah syar'iiyah merupakan kaedah yang bersifat dinamik dan menepati maqasid syariah bagi mengurus pentadbiran negara. Pelaksanaan siasah syar'iiyah dalam penggubalan dasar kesejahteraan keluarga adalah bagi memastikan *maslahah* dalam kehidupan masyarakat majmuk dapat dilaksanakan dan menghindari *mafsadah* yang akan memudaratkan mereka. Oleh itu, objektif artikel ini adalah untuk menganalisis syarat-syarat pelaksanaan siasah syar'iiyah untuk membentuk dasar kesejahteraan keluarga dalam negara bermasyarakat majmuk. Kajian kualitatif ini akan mengupas tajuk kajian menggunakan metod analisis kandungan, induktif, deduktif serta komparatif. Artikel ini mendapati bahawa terdapat tiga syarat utama yang terkandung dalam pelaksanaan siasah syariah iaitu yang pertama hendaklah menepati hukum-hukum syariah serta ketetapan umum, kedua, hukum tersebut tidak bercanggah dengan dalil-dalil *tafsiliy* dan yang ketiga adalah adil. Selain daripada tiga syarat tersebut, terdapat juga syarat pengukuhan yang menjadi fokus ketika menggubal dasar-dasar kesejahteraan keluarga iaitu yang berkaitan dengan agama, nyawa, keturunan, akal dan harta. Walaupun hasil artikel ini sangat ringkas dan tidak menyentuh kesemua syarat pelaksanaan siasah syar'iiyah untuk membentuk dasar kesejahteraan keluarga dalam negara bermasyarakat majmuk, namun kewujudan tiga syarat utama dan lima syarat pengukuhan ini sudah cukup membuktikan bahawa Islam telah menyediakan garis panduan yang komprehensif bagi mewujudkan dasar-dasar kesejahteraan keluarga dalam negara bermasyarakat majmuk.

Kata Kunci: Syarat, Siasah syar'iiyah, kesejahteraan keluarga dan masyarakat majmuk

PENGENALAN

Siasah syar'iiyah merupakan satu mekanisme penting untuk mewujudkan dasar kesejahteraan keluarga dalam sebuah negara bermasyarakat majmuk. Kepentingan ini dapat ditelusuri melalui prinsip siasah syar'iiyah yang menekankan setiap dasar dalam pentadbiran kerajaan perlulah selari dengan maqasid syariah.

Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis syarat pelaksanaan siasah syar'iiyah untuk membentuk dasar kesejahteraan keluarga dalam negara bermasyarakat majmuk. Hal ini adalah kerana, kesejahteraan merupakan permasalahan yang kerap dibahaskan di mana-mana tempat di seluruh dunia sehinggakan menghasilkan rumusan dalam bentuk indeks kesejahteraan. Kerajaan negeri Sarawak misalnya telah mengambil langkah untuk menggubal dasar kesejahteraan sendiri. Dalam menyediakan dasar kesejahteraan ini, kerajaan Sarawak telah mengambil indeks kesejahteraan peringkat nasional dan antarabangsa sebagai rujukan. Hal ini dapat ditelaah melalui ungkapan Yang Berhormat Datuk Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita dan Pembangunan Kanak-kanak, Sarawak yang menggambarkan keperluan penggubalan dasar kesejahteraan sendiri sebagaimana dijelaskan dalam pernyataan berikut:

"In order to come up with our very own Index, we have to look at the existing indexes present nationally and internationally to see what others have done, and then see what we can adopt or adapt for our own."

(Sarawak Government, 2017)

Dengan merujuk kepada kedua-dua indeks ini, kerajaan Sarawak mengolah semula mengikut keperluan dan pola masyarakat majmuk di negeri Sarawak. Indeks kesejahteraan Sarawak ini dikenali sebagai *State Social Wellbeing Index* (SSWI) yang mengandungi sepuluh tonggak utama yang menjadi syarat kepada pembentukan kesejahteraan keluarga di



Sarawak iaitu institusi keluarga, pembinaan kapasiti, perumahan, keharmonian sosial, keselamatan awam, tanggungjawab sosial, ruang dan prasarana sosial, amalan tadbir urus governan, kelestarian alam sekitar, perlindungan sosial dan kesihatan (KWKPKS, 2020).

Pengukuhan kesejahteraan keluarga adalah agenda yang tidak ada penghujung. Ia diusahakan dari satu generasi ke satu generasi mengikut keperluan zaman secara berterusan. Oleh itu, Alexandra Mousavizadeh *et. al* (2016) telah menghasilkan laporan penyelidikan yang komprehensif dengan judul: *The Legatum Prosperity Index 2016* mengetengahkan sembilan syarat yang menjadi indikator kesejahteraan keluarga iaitu dari perspektif kualiti ekonomi, lingkungan perniagaan, pemerintahan, pendidikan, kesihatan, keselamatan dan keamanan, kebebasan individu, modal sosial dan alam sekitar. Dalam hal ini, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah merumuskan satu sokongan bahawa kesejahteraan keluarga sebagai suatu keadaan keluarga yang berada dalam situasi sejahtera, bebas dari penyakit, aman, senang, seimbang dan menyenangkan. Selain itu, dimensi pengukuhan kesejahteraan keluarga melalui syarat yang memasukkan elemen-elemen yang menggambarkan rasa puas dan selesa dari perspektif spiritual, perekonomian dan intelektual. Lanjutan itu, terdapat beberapa dimensi kesejahteraan yang menekankan aspek kepuasan dan kelesaan dalam bidang kerohanian, ekonomi atau kewangan, mental, pengaruh psikologi dan sosial khususnya eratnya hubungan kekeluargaan, status kesihatan, pergaulan dalam masyarakat, pemerintahan negara dan tiada unsur eksploitasi. Kesejahteraan keluarga juga berkait langsung dengan sejauh mana nilai diri dalam anggota keluarga ini dirai, dipelihara dan dikembangkan (LPPKN, 2010).

Rungkai di atas menunjukkan bahawa indikator kesejahteraan keluarga digarap dengan memberi tumpuan kepada fungsi dan peranan pemerintah yang berkait rapat dengan kekuasaan atau negara. Oleh sebab itu, Kansil (2001) telah memberi ulasan bahawa daya kekuatan anggota masyarakat bukan jaminan untuk mewujudkan situasi sejahtera yang diinginkan dalam keluarga. Beliau menyarankan agar setiap anggota sebagai unit kecil masyarakat perlu berpadu dan bergabung membentuk sebuah entiti organisasi yang lebih besar dan kuat. Dengan istilah lain ia boleh dikenali sebagai sebuah kerajaan atau pemerintahan yang berusaha secara berterusan melaksanakan aktiviti dan program ke arah pembinaan hidup yang sejahtera di kalangan rakyat jelata, sekali gus dapat meningkatkan taraf hidup yang lebih baik.

Di sinilah menunjukkan bahawa pemimpin berperanan besar dalam mencorak kesejahteraan rakyat yang berbilang bangsa dalam negara yang ditadbir oleh mereka. Justeru itu, indikator-indikator kesejahteraan yang dirumuskan seperti di atas perlu memenuhi syarat yang bersifat dinamik dan tepat. Hal ini penting agar setiap dasar yang terbit bagi mencapai indikator kesejahteraan tersebut dapat direalisasikan serta bertepatan dengan objektif siasah syar'iyah.

Oleh itu, artikel ini akan menjadi sebahagian daripada bahan rujukan kepada pentadbir dan pembuat dasar terutamanya pemimpin dalam sesebuah negara untuk membuat dasar-dasar kesejahteraan keluarga. Elemen-elemen fokus siasah syar'iyah yang diketengahkan perlu dijadikan rujukan asas dalam proses pembuatan dasar kesejahteraan keluarga dalam kerajaan.

SOROTAN LITERATUR

Siasah syar'iyah menurut Abdul Wahhab Khallaf (1982) adalah ilmu yang membincangkan mengenai pentadbiran sesebuah kerajaan Islam yang terdiri daripada undang-undang dan sistem yang berasaskan kepada asas-asas Islam atau mentadbir urusan umum daulah Islamiah dengan cara yang membawa kebaikan kepada manusia dan mengelakkan mereka daripada kemudaratatan tanpa melanggar sempadan syarak dan asas-asas *kulliyyah* walaupun dalam perkara yang tidak disepakati oleh ulama mujtahidin.

Namun begitu, terdapat kalangan sarjana Islam dalam mendefinisikan siasah syar'iyah mereka hanya memfokuskan manusia sebagai objek yang perlu dielakkan melalui bimbingan dan memimpin mereka ke jalan selamat. Ini dapat ditelaah melalui pandangan Muhammad Amin Ibn 'Abidin (1966) yang menyatakan bahawa siasah syar'iyah ialah mengelakkan keadaan orang ramai dengan membimbing dan memimpin mereka ke jalan yang selamat di dunia dan akhirat.

Sebaliknya, Ibn Khaldun (1982) berpandangan bahawa siasah syar'iyah adalah satu mekanisme untuk menjalankan pentadbiran negara dan pelaksanaan hukum-hukum, merancang dan meminda peraturan dan undang-undangnya. Pendefinisian Ibnu Khaldun ini lebih menumpukan kepada kerangka operasi pentadbiran sesebuah kerajaan melalui pelaksanaan hukum dan peraturan.

Manakala sedikit berbeza daripada perspektif Ibn Qayyim (1989) di mana beliau menjelaskan bahawa siasah syar'iyah itu adalah suatu tindakan oleh pemimpin yang boleh menyelamatkan orang ramai dan menghindarkan mereka dari kehancuran, walaupun tindakan tersebut tidak dilakukan oleh Rasulullah SAW atau pun tidak ada wahyu berkenaan perkara tersebut. Dalam hal ini, Ibn Qayyim memerihalkan tanggungjawab pemimpin untuk berusaha menyelamatkan masyarakat daripada segala bentuk musibah serta kesusahan dengan kaedah-kaedah baru mengikut perkembangan zaman selagi mana ia menepati kehendak syarak walau pun tidak pernah dilaksanakan pada zaman Rasulullah SAW. Pandangan Ibn Qayyim ini diperkukuhkan lagi oleh Abdul Ahmad Atwah (1993) yang menyatakan bahawa siasah syar'iyah adalah tindakan yang diambil oleh pemerintah berdasarkan masalah dalam perkara-perkara yang tidak dijelaskan oleh nas secara langsung dan dalam perkara yang berubah-ubah mengikut perubahan masa, tempat dan tuntutan semasa. Pandangan ini juga selari dengan pendapat Zayn al-Din Ibn Nuja'im (t.t) yang menjelaskan siasah syar'iyah itu ialah sesuatu tindakan dari pihak pemerintah berdasarkan kemaslahatan yang dilihatnya sekalipun



tidak ada dalil secara langsung dan terperinci ke atas perbuatan itu. Dalam hal ini penekanan telah diberikan oleh Ibnu Taimiyyah (1427H) yang mentakrifkan siasah syar'iiyyah sebagai satu ilmu yang menolak mudarat dan keburukan di dunia dan menarik kebaikan kepadanya.

Seterusnya terdapat dalam kalangan ulama mentakrifkan siasah syar'iiyyah ini sebagai mekanisme dalam tadbir urus sesebuah kerajaan yang berpandukan kepada dalil umum daripada al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini dapat ditelaah melalui pandangan Rizq Muhammad al-Zalbani (t.t) yang menerangkan siasah syar'iiyyah ialah mengendalikan urusan awam atau bersama berdasarkan hikmat yang tidak bercanggah dengan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW walaupun tindakan tersebut tidak disokong oleh dalil-dalil juz'i. Dalam hal ini, Yusuf al-Qardawi (1993) menekankan bahawa siasah syar'iiyyah adalah sebagai sistem politik yang menjadikan syariat sebagai teras, kembali dan bersandar kepadanya, mengaplikasikannya di muka bumi, melaksanakan ajaran-ajaran dan prinsipnya di tengah masyarakat, sekaligus sebagai matlamat dan sasaran sistem dan tatacaranya. Tujuannya berdasarkan syariat dan sistem yang dianut berdasarkan syariat.

Daripada keseluruhan pandangan tersebut di atas, dapatlah dirumuskan bahawa siasah syar'iiyyah membawa maksud mengurus dan mengatur pemerintahan negara dengan syarat supaya setiap tindakan mestilah berlandaskan syariat yang dibawa oleh Rasulullah SAW yang melibatkan umat Islam dan bukan Islam yang bernaung dengan aman di dalam sebuah negara Islam. Dalam erti kata lain, siasah syar'iiyyah dalam konteks ini menekankan kepada maksud pengendalian urusan pemerintahan negara yang fleksibel serta dinamik mengikut landasan syarak iaitu berpandukan kepada al-Quran, al-Sunnah dan ijtihad bagi menjamin kepentingan dan kemaslahatan rakyat.

Oleh itu, garapan dasar yang berpandukan siasah syar'iiyyah sudah pastilah akan menatijahkan kesejahteraan. Atchley (2004) telah merumuskan bahawa kesejahteraan adalah rasa gembira mengatasi rasa sedih dalam jangka masa panjang, perasaan bebas daripada tekanan, perasaan positif dengan kehidupan dan memperoleh apa yang diinginkan seiring dengan matlamat. Billson (2005) turut membahaskan bahawa kesejahteraan adalah suatu keadaan optima yang diukur dari aspek kepuasan, keyakinan, ketahanan dan kesihatan fizikal. Seterusnya Costanza *et. al* (2007) berpandangan bahawa kesejahteraan adalah sebagai tindak balas individu atau kumpulan terhadap kegembiraan, kepuasan hidup dan kebajikan. Manakala Bretones dan Gonzales (2011) merungkaikan matlamat kesejahteraan sebagai satu konsep yang mampu menjelaskan pelbagai bentuk kesejahteraan seperti pekerjaan, kebendaan mahu pun perkahwinan.

Selain itu, kesejahteraan juga disebut sebagai *al-sakinah*. Dalam hal ini Siti Chadijah (2018) menjelaskan bahawa perkataan *sakinah* digunakan untuk menggambarkan kesejahteraan dalam kehidupan berkeluarga. Istilah ini juga bererti tempat tinggal yang diambil daripada kata dasar dalam bahasa Arab iaitu *sakanun*. Istilah ini juga digunakan al-Quran untuk menyebut tempat berlabuhnya setiap anggota keluarga dalam suasana yang nyaman dan tenang, sehingga menjadi lembah subur untuk tumbuhnya cinta kasih (*mawadah warahmah*) antara sesama anggota keluarga.

Oleh hal yang demikian, kesejahteraan merupakan satu bentuk pengukuran kualiti hidup dari aspek psikologi atau dalaman dan fizikal. Secara psikologi kesejahteraan itu diukur dari sudut beberapa dimensi seperti kegembiraan, harga diri, kecekapan diri, kepuasan hidup, kehidupan berkeluarga, pekerjaan, pendidikan dan kewangan. Manakala pengukuran kesejahteraan dari dimensi fizikal adalah yang melibatkan pemilikan aset, perumahan, kesihatan, pendidikan dan gaya hidup individu dalam kalangan masyarakat majmuk.

Sebenarnya, masyarakat majmuk adalah suatu realiti dalam masyarakat dunia. Fenomena kemajmukan ini pastinya memerlukan kepada satu sistem sosial agar kehidupan mereka sejahtera dan harmoni. Kesejahteraan dan keharmonian ini dibentuk melalui kesatuan tindakan antara anggota masyarakat yang berlaku secara imbal balik dalam melaksanakan tugas-tugas kemasyarakatan. Tindakan ini dikenali sebagai kesatuan sosial. Menurut Ahmad Zaki (t.t) kesatuan sosial adalah kesatuan gerak kerja dalam satu kelompok besar secara tindakan bersama sebagai satu kerjasama menuju satu matlamat untuk menjamin kestabilan sosial. Kestabilan sosial atau *social stability* ini ialah kelangsungan nilai-nilai kemasyarakatan tanpa mengalami perubahan mendadak atau perubahan dalam aspek-aspek dasarnya. Seterusnya adalah aspek solidariti sosial. Solidariti sosial atau *social solidarity* ialah kerjasama antara anggota masyarakat berasaskan rasa tanggungjawab bersama tanpa berpecah belah.

Oleh itu, Awang Nib Zuhairi (2014) telah menyimpulkan bahawa sejarah pembentukan Piagam Madinah oleh Rasulullah SAW telah berjaya menyatukan masyarakat majmuk yang diikat dengan nilai persaudaraan (*al-ukhuwwah*), persatuan (*al-ittihad*), persamaan (*al-musawat*) dan kebebasan (*al-hurriyah*). Proses perpaduan melalui Piagam Madinah telah mencambah asas perpaduan dan toleransi agama serta keterbukaan sosial yang praktikal dalam masyarakat Madinah. Sifat Rasulullah SAW dengan ciri-ciri pemaaf, bermesyuarah, berbudi bahasa dan tidak berdendam serta tidak keras hati, menjadikan seluruh masyarakat aman harmoni bernaung di bawah kepimpinan Baginda Rasulullah SAW. Justeru, Piagam Madinah dilihat sebagai satu perlembagaan yang mengutamakan kesatuan masyarakat majmuk Madinah, pembentukan masyarakat majmuk yang berdaulat, mengiktiraf hak asasi semua kaum, politik perdamaian dan toleransi dalam kalangan masyarakat majmuk, membentuk kesatuan politik dan mempertahankan Madinah secara bersama, merangka persefahaman antara penduduk terutama kaum Yahudi, menentukan hak-hak dan kewajipan Nabi Muhammad SAW dan penduduk setempat dan lain-lain lagi. Rangkaian itu menggambarkan perpaduan dan persefahaman antara masyarakat majmuk adalah amat penting untuk merangka dasar sebuah pentadbiran negara yang dinamik dan adil.



Perbahasan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan siasah syar'iyah diperakui mempunyai syarat yang perlu dijadikan panduan khusus untuk pembinaan kesejahteraan keluarga dalam sesebuah negara bermasyarakat majmuk. Siasah syar'iyah ini diaplikasikan sebagai suatu tindakan pemerintah untuk menyelamatkan, mengelokkan, membimbing dan memimpin masyarakat untuk mencapai kesejahteraan serta menghindarkan mereka daripada kesusahan agar kehidupan mereka selamat di dunia dan akhirat. Masyarakat di sini adalah merangkumi sesebuah keluarga yang membentuk entiti sosial yang lebih besar iaitu masyarakat majmuk yang menjadi rakyat kepada sesebuah negara.

METODOLOGI

Sesuatu kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan dan menganalisis data sama ada menggunakan kaedah kualitatif, kuantitatif dan kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif adalah dikenali sebagai metodologi kajian. Dalam konteks artikel ini, ia mengambil pendekatan dengan mengaplikasikan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif sering disebut sebagai penelitian semula jadi dalam kondisi alami (*natural setting*). Oleh itu, kaedah ini difahami sebagai suatu cara berfikir yang bersifat saling berhubung dan saling membina yang berdasarkan keadaan sebenar dalam masyarakat secara keseluruhan dan mampan, sarat dengan kepelbagaian, bertenaga, banyak interpretasi maksud dan jalinan setiap elemen yang saling berhubung. (Sugiyono, 2017). Manakala kaedah kepustakaan diaplikasikan oleh pengkaji bagi mengumpul data. Manakala untuk menganalisis data, pengkaji menggunakan pendekatan analisis kandungan, induktif, deduktif dan komparatif terhadap kajian-kajian lepas serta artikel-artikel ilmiah berkaitan yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pemimpin mempunyai tanggungjawab untuk mengendalikan urusan negara dengan adil dan saksama bagi mencapai kesejahteraan, kemakmuran serta keharmonian. Bagi mencapai objektif tersebut, mana-mana pemimpin perlulah mengambil inisiatif untuk menggubal dasar-dasar mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam pelaksanaan siasah syar'iyah agar kesejahteraan masyarakat majmuk, kestabilan dan keharmonian dapat direalisasikan dan *masalah* umum rakyat terjaga.

Justeru itu, tiada yang boleh menafikan pengaruh siasah syar'iyah dalam pemerintahan sejak zaman *khulafak al-Rashidin* sehingga ke hari ini. Tujuan siasah syar'iyah adalah untuk mendatangkan *masalah* kepada masyarakat secara umumnya. Maka menjadi satu kewajaran bagi pemerintah mengambil siasah syar'iyah sebagai satu prinsip dan platform untuk menerbitkan sesuatu dasar yang menghasilkan impak kesejahteraan dalam masyarakat majmuk. Namun begitu, siasah syar'iyah tidak boleh diaplikasikan secara bebas tanpa ada panduan yang jelas. Hal ini kerana, tujuan hukum siasah itu sendiri untuk memastikan maqasid syariah dapat diterap dan dilaksanakan. Penggunaannya sebagai mekanisme pemerintahan adalah bersyarat.

Dalam hal ini, Abdul Ahmad Atwah (1993) menyatakan setiap hukum yang keluar hasil daripada ijtihad tidak boleh diklasifikasikan sebagai siasah syar'iyah kecuali terlaksana tiga syarat iaitu:

Pertama, pelaksanaannya hendaklah menepati hukum-hukum syariah serta ketetapan umum. Ketetapan umum yang dimaksudkan ialah kaedah-kaedah asas dalam pengeluaran hukum seperti *Sadd Al-Dharai'*, *al-Adalah*, *al-Urf*, *al-Syura* dan pelbagai lagi kaedah-kaedah umum yang bertujuan mendatangkan *masalah* kepada manusia. Manakala yang dimaksudkan dengan hukum-hukum syariah pula ialah menepati objektif atau maqasid syari'iyah yang mendatangkan kebaikan kepada manusia, sama ada *masalah* atau kebaikan itu untuk individu atau masyarakat serta menolak kemudharatan.

Kedua, dasar atau hukum tersebut tidak bercanggah dengan dalil-dalil *tafsiliy* yang telah ditetapkan sebagai *syariah al-'ammah* kepada seluruh manusia tanpa mengira keadaan, tempat, masa dan masyarakat. Namun syarat ini mampu direalisasi melalui dua perkara penting iaitu:

- a. Tiada dalil *tafsiliy* yang khas dalam sesuatu peristiwa atau permasalahan semasa yang menjadi tempat wujudnya permasalahan tersebut, pada masa yang sama ia tidak bertentangan dengan nas asal, ijmak dan qiyas, maka hukum itu bolehlah dikategorikan sebagai siasah syar'iyah.
- b. Adanya dalil *tafsiliy* yang khas dalam sesuatu peristiwa atau permasalahan semasa tertentu dan ia bertentangan dengan hukum tersebut, namun pertentangan itu secara zahir sahaja bukannya secara hakiki. Ini kerana bukan semua dalil *tafsiliy* yang ada itu meliputi hukum syariah secara berterusan malah ada antara dalil *tafsiliy* yang menerangkan sesuatu hukum hanya berkaitan waktu-waktu tertentu sahaja atau sebab-sebab yang khusus sahaja atau berkaitan kemaslahatan tertentu. Sebagai contoh, tindakan Saidina Umar al-Khattab r.a menghentikan pemberian zakat kepada orang bukan Islam. Jika dilihat secara zahir ia bertentangan dengan al-Quran sebagaimana firman Allah SWT dalam surah at-Taubah yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-



hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan.” Surah at-Taubah:60

Hakikatnya ayat di atas ditafsirkan sebagai tidak bertentangan dengan tindakan Umar al-Khattab r.a kerana Umar al-Khattab r.a telah melihat bahawa objektif pemberian zakat itu tidak lagi berkesan iaitu untuk menjinakkan hati-hati mereka agar minat kepada Islam dan memeluk Islam. Maka pemberian zakat kepada mualaf iaitu mereka yang dijinakkan hati mereka terhadap Islam pada masa itu menurut Umar al-Khattab r.a harus dihentikan.

Ketiga, setiap tindakan pemerintah mestilah adil atau pun dalam konteks pertengahan antara tindakan yang membiarkan sesuatu permasalahan tanpa ada sesuatu hukum dan tindakan yang melampau terhadap batas-batas yang telah ditentukan untuk mewujudkan *masalah*.

Penjelasan di atas selari dengan pandangan Abdul Rahman Taj (1995) yang mengemukakan dua syarat asas yang perlu dipatuhi dalam operasi siasah syar'iyah iaitu:

i). Menepati semangat *maqasid* syariah dan mengguna pakai kaedah-kaedah umum serta prinsip-prinsip asas syarak yang kukuh.

ii). Tidak menyalahi secara jelas mana-mana nas syarak yang mengisbatkan sesuatu peraturan umum kepada manusia secara berkekalan.

Dalam korpus yang sama, pandangan dua tokoh di atas diperkemas serta diperkukuhkan lagi oleh pendapat Muhammad Nazir Alias (2008) yang telah menukulkan syarat pelaksanaan siasah syar'iyah kepada dua kategori iaitu:

Pertama, tindakan siasah syar'iyah mestilah selari dengan *maqasid* (objektif) syariat Islam. Semua peraturan syariah bertujuan untuk menjaga keperluan manusia sama ada dari perspektif *al-daruri*, *al-haji* dan *al-tahsini*. Kedua, hukum siasah syar'iyah mestilah selari dengan hukum dan prinsip yang bersifat *qat'i* dalam syariah Islam. Maka hukum siasah yang diijtihadkan mestilah tidak bertentangan dengan prinsip dan hukum yang bersifat *qat'i* seperti pengharaman arak, membunuh tanpa hak, berzina dan sebagainya. Bahkan sewajarnya hukum siasah mendorong ke arah penambahbaikan hukum syariah yang telah *qat'i* seperti pengharaman penjualan arak di tempat-tempat awam.

Apabila diteliti daripada syarat-syarat yang dibincangkan oleh para ulama di atas, maka kesemua mereka sepakat merumuskan bahawa siasah syar'iyah itu mesti menepati *maqasid* syariah yang mempunyai ciri-ciri tertentu untuk dipatuhi. Dengan itu, setiap hukum yang menepati *maqasid* syariah akan dapat menghindari keburukan kerana syariah Islam itu sendiri dibina untuk membawa kebaikan dan menolak keburukan. Berdasarkan runtuhan ini, telah jelas menunjukkan bahawa syarat-syarat yang dibincangkan tersebut memerlukan siasah syar'iyah yang menepati *maqasid* syariah bagi menjamin keadilan serta kesaksamaan dapat diterjemahkan melalui dasar-dasar kekeluargaan, kemasyarakatan, ekonomi dan bidang-bidang lainnya. Dalam hal ini juga menunjukkan bahawa setiap pemerintah dalam kerajaan tidak diberikan kebebasan yang mutlak sebaliknya keluasan tersebut dikawal oleh norma-norma syarak untuk menjaga kewibawaan siasah syar'iyah daripada tercemar.

Oleh itu, melalui perbincangan ini dapat dibuat empat penegasan iaitu: Pertama, sumber utama siasah syar'iyah ialah al-Quran dan al-Sunnah melalui pemakaian kaedah dan prinsip-prinsip asas yang ditekankan oleh kedua-dua sumber tersebut seperti dasar *raf' al-harj*, amalan syura, keadilan, persamaan, merujuk perkara-perkara penting kepada pakar dan seumpamanya (Al-Hasari, 1988). Hal ini membuktikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber rujukan berautoriti bagi melaksanakan siasah syar'iyah dalam sebuah pemerintahan.

Kedua, pelaksanaan siasah syar'iyah tidak semestinya mempunyai peruntukan khusus daripada kedua-dua sumber tersebut secara langsung (Taj, 1995; al-Hasari, 1988). Oleh itu memadai al-Quran menggariskan beberapa prinsip umum yang boleh disesuaikan dengan keadaan setempat pada bila-bila masa sebagai panduan kepada umat Islam. Ruang ini membuka pintu ijtihad yang luas dalam membentuk dasar-dasar untuk kesejahteraan keluarga dalam masyarakat majmuk khususnya dan rakyat keseluruhannya secara umum.

Ketiga, prinsip-prinsip ini menjadi asas-asas penting dalam aplikasi siasah syar'iyah walaupun tidak ada dalil khusus. Asas-asas tersebut menjadi dalil dan sandaran penting untuk memastikan wujudnya keselarian di antara siasah syar'iyah dengan *maqasid* umum al-Quran dan al-Sunnah.

Hal ini dapat ditunjukkan melalui tindakan khalifah Umar al-Khattab r.a apabila menyaksikan pembukaan kota-kota baru dengan pertambahan masyarakat Islam yang mendadak di zamannya telah mewujudkan sistem jabatan bagi tujuan penyelarasan gaji-gaji pegawai kerajaan, pembinaan tempat tahanan iaitu penjara, membekukan pengagihan tanah kepada tentera dengan dikenakan kharaj (cukai tanah) sebagai langkah menambah kadar kemasukan hasil negara bagi menanggung kos pertahanan kerajaan yang meningkat, membasmi kemiskinan dan menyelesaikan masalah kependudukan (Taj, 1995).

Keempat, siasah syar'iyah tidak boleh mengetepikan sama sekali hukum-hukum *qat'i* yang menjadi asas syariah. Adapun dalam nas-nas yang bukan *qat'i* atau *zanniy al-dalalah*, sekiranya wujud kontradiksi teknikal di antara siasah syar'iyah dengan nas syarak tertentu di mana hukum nas tersebut bukanlah asas hukum yang berkekalan tetapi masih boleh dikaji semula dengan ijtihad, maka hukum-hukum seperti ini selalunya tidak menghalang aplikasi siasah syar'iyah walaupun natijahnya nanti berbeza daripada segi hukum (Taj, 1995).



Oleh kerana siasah syar'iiyyah terikat dengan syarat-syarat seperti yang dihuraikan maka pihak kerajaan tidak boleh membenarkan segala aktiviti yang boleh mengancam kesejahteraan masyarakat seperti sistem kewangan berasaskan riba, mengusahakan arak secara komersial, penjualan arak secara terbuka dan berleluasa, membenarkan premis-premis judi, pusat pelacuran dan kelab-kelab malam berleluasa walaupun dengan alasan wujudnya *masalah* untuk peningkatan sumber pendapatan kewangan negara dan meraikan masyarakat bukan Islam. Kerajaan juga tidak boleh membuat polisi yang menyamakan hak lelaki dengan wanita dalam soal perwarisan, nikah kahwin dan cerai kerana melihat persaingan wanita dan lelaki semakin sengit kerana kes-kes tersebut sememangnya telah diharamkan syarak sebagai peraturan yang tidak boleh dipinda-pinda. Jika kerajaan meneruskan amalan maksiat tersebut, maka ia dianggap sudah tersasar daripada landasan siasah syar'iiyyah malah tersasar daripada syariat Islam kerana membawa rakyat menderhakai Allah SWT (Taj, 1995; al-Hasari, 1988). Bukan setakat itu, tindakan tersebut juga berlawanan dengan kehendak maqasid syariah yang menolak kemudaratatan dan membuka jalan kebaikan serta kesejahteraan untuk semua.

Perbincangan mengenai syarat pelaksanaan siasah syar'iiyyah di atas belum boleh dikatakan lengkap melainkan turut dibincangkan tentang *dharuriyah al-khamsah* iaitu agama, nyawa, keturunan, akal dan harta. Lima tonggak ini merupakan pakej yang menjadi syarat jaminan kesejahteraan dalam kehidupan manusia. Ia saling memperkukuh antara satu sama lain dan jika berlaku pengabaian terhadap salah satunya maka yang lainnya akan runtuh keseluruhannya.

Kategori *dharuriyyah* ini merupakan tahap paling diutamakan kerana ia menyentuh *survival* seseorang bahkan sesuatu masyarakat. Tahap *dharuriyat* ini adalah keperluan yang harus ada atau disebut dengan keperluan primer. Apabila tahap keperluan ini tidak terpenuhi, maka akan terancam keselamatan umat manusia baik di dunia mahu pun di akhirat kelak.

Dalam hal ini al-Syatibi (1997) telah memperkukuhkan bahawa ada lima hal yang termasuk dalam kategori yang dibincangkan, iaitu memelihara agama, memelihara jiwa, memelihara akal, memelihara kehormatan serta keturunan dan memelihara harta. Justeru itu, *dharuriyah al-khamsah* ini bolehlah dikategorikan sebagai syarat-syarat teras kepada kesejahteraan keluarga.

Kesejahteraan berasaskan agama

Agama merupakan antara *dharuriyyah al-khamsah* yang menjadi keutamaan dalam maqasid syariah. Dalam konteks bernegara, memelihara agama (*ad-din*) bermakna untuk mengelakkan apa-apa pelanggaran dan kemusnahan asas-asas agama termasuk mempertahankan negara dan kedudukan Islam sebagai agama dianuti dan agama-agama lain boleh diamalkan secara aman dan harmoni.

Agama adalah melibatkan kepercayaan dan akidah. Menurut al-Ashqar (2004) akidah merupakan sesuatu perkara yang dibenarkan dalam jiwa dengannya hati menjadi tenang dan yakin tanpa ada keraguan atau syak. Dalam erti kata lain Mustafa (1996) menyatakan bahawa akidah adalah keyakinan dan kepercayaan yang erat, kukuh, teguh dan unggul di dalam jiwa. Dengan keyakinan yang utuh, seseorang itu akan mempunyai pegangan dan pendirian yang tegas, tidak terurai dan berubah dalam semua keadaan, ketika dan tempat. Ia merupakan kekuatan maknawi yang kukuh dan teguh antara manusia dengan hakikat yang teragung iaitu Allah SWT. Tiada pemisah antara manusia denganNya.

Al-Ghazali (1998) menyatakan pengukuhan akidah yang sejahtera merupakan hak terpenting yang perlu diberikan kepada setiap individu dalam sesebuah keluarga. Analisis terhadap sejarah Rasulullah SAW membuktikan akidah merupakan intipati pertama dan utama dalam pembentukan jiwa seorang muslim. Penerapan dalam mengenali dan mengimani Allah SWT sebagai Tuhan yang sebenar-benarnya, meyakini berlakunya hari akhirat, beriltizam dengan akhlak yang baik bagi menyucikan jiwa serta mengambil iktibar daripada kisah-kisah umat terdahulu berdasarkan wahyu yang diturunkan ketika itu merupakan asas pendidikan yang diajarkan oleh Rasulullah SAW kepada keluarga dan para sahabatnya.

Oleh kerana itu, Nur Zahidah dan Raihanah (2011) telah merumuskan bahawa terdapat dua faktor asas untuk membangunkan keluarga bahagia iaitu iman dan amal. Elemen iman termasuklah akidah dan ilmu manakala elemen amal melibatkan niat, akhlak, sosial, amanah, keselamatan fizikal dan ekonomi. Menerusi gabungan kesemua elemen ini akan tercetuslah situasi keluarga dengan penuh sakinah (ketenangan), mawaddah (cinta) dan rahmah (kasih sayang).

Dalam hal pemeliharaan agama ini juga, siasah syar'iiyyah mengiktiraf dan mengambil pendekatan bertoleransi dengan penganut-penganut agama selain daripada Islam. Dalam hal ini, Jasser Auda (2008) menegaskan Islam sebagai agama yang bersifat universal, mengambil berat sikap hormat menghormati, toleransi, keadilan, kesaksamaan, kebebasan dan hak asasi manusia dalam beragama.

Dalam erti kata lain, pendekatan bertoleransi secara berhikmah untuk mengelakkan kemudaratatan adalah tumpuan utama dalam siasah syar'iiyyah. Oleh itu, Mohd. Yusri Ibrahim, (2019) mengaitkan amalan toleransi di antara agama adalah elemen yang penting dan berkesan dalam keperluan memenuhi kehendak agama dan jiwa selaras dengan pendekatan maqasid syariah. Kedua-dua aspek ini dilihat sebagai satu proses semula jadi yang bertanggungjawab terhadap pemeliharaan ummah dan negara supaya terus aman berkekalan. Sebenarnya dalam hal ini toleransi antara agama dan nilai perpaduan dalam masyarakat adalah komponen kesejahteraan dalam mempengaruhi pencapaian nilai keagamaan.

Justeru itu, setiap kepimpinan negara perlu mengambil sikap serta pendekatan bertoleransi serta saling menghormati antara agama dan diterapkan dalam kalangan masyarakat kerana ia boleh menjadi sebab kepada



kerukunan beragama, bermasyarakat dan mendapatkan kesejahteraan keluarga serta keharmonian negara. Hal ini sejajar dengan pandangan ilmuwan Islam seperti Imam al-Ghazali yang menyatakan sesuatu keperluan dan kepentingan manusia perlu dilihat kepada sejauh mana ia bertepatan dengan *masalah* yang menjadi objektif syariah dengan menegaskan bahawa objektif syariah ialah menjaga lima perkara asas agar ia dapat menghilangkan *mafsadah* (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2012). Sebagai satu penegasan, Siddiq Fadzil (2018) telah menyarankan agar pengertian maqasid syariah serta fungsinya perlu disesuaikan dengan realiti zaman dan lingkungannya. Dengan demikian, beliau mengembangkan makna pemeliharaan agama (*hifz al-din*) itu harus diertikan tidak hanya mengawalinya daripada penyimpangan tetapi juga pembinaan masyarakat yang mempraktikkan agamanya (*mutadayyin*).

Penjelasan di atas telah menerbitkan rumusan bahawa setiap kepimpinan Islam dalam sesebuah governan berkewajipan untuk memenuhi syarat untuk meletakkan kepentingan agama di tempat yang teratas. Sesungguhnya penjagaan atau pemeliharaan agama merupakan tunjang kepada kesejahteraan sesebuah keluarga. Ini bermaksud bahawa sistem hidup berkeluarga sewajarnya mengutamakan untuk mentauhidkan Allah SWT dalam segenap aspek kehidupan yang merangkumi penggubalan setiap dasar yang dirangka perlulah mengikut landasan yang ditetapkan dalam al-Quran dan al-Sunnah bagi mengelakkan kecelaruan, kemudarat dan kemusnahan dalam hidup berkeluarga dan bernegara. Pemeliharaan akidah adalah perkara utama yang patut diberi perhatian agar ketaatan dan ketakwaan kepada Allah SWT dan RasulNya menjadi keutamaan serta ketaatan kepada pemimpin turut dititikberatkan.

Kesejahteraan berasaskan pemeliharaan nyawa

Pemeliharaan nyawa atau jiwa (*hifz al-nafs*) harus diertikan tidak hanya sebagai larangan membunuh tetapi juga pencapaian kualiti hidup iaitu terhormat, berdaulat dan bermartabat sesuai dengan darjat kemuliaan insaninya (Siddiq Fadzil (2018). Oleh yang demikian, memelihara nyawa (*hifz an-nafs*) bolehlah difahami secara lebih komprehensif lagi iaitu memelihara maruah, persaudaraan dan kesaksamaan sosial, keadilan, keselamatan hidup, harta dan maruah, pemerintahan yang baik, mengurangkan kadar kemiskinan dan memenuhi keperluan pekerjaan, pengagihan saksama pendapatan dan kekayaan, perkahwinan dan kehidupan keluarga yang stabil, perpaduan sosial dan pengurangan jumlah jenayah serta keamanan dan kestabilan. Inilah antara tanggungjawab governan bagi memastikan keharmonian serta kesejahteraan negara terjaga dengan mengadakan inisiatif pencegahan dan mengelakkan pertumpahan darah dalam kalangan masyarakat majmuk. Apabila nyawa tidak terpelihara maka negara akan menghadapi kemusnahan manakala ketenteraman dan keamanan pula akan hilang.

Kesejahteraan melalui penjagaan keturunan

Pemeliharaan keturunan (*hifz al-nasl*) menurut Siddiq Fadzil (2018) harus diertikan tidak hanya sebagai pengharaman zina dan pensyarian nikah tetapi juga sebagai pengukuhan institusi keluarga dan pembinaan generasi berkualiti. Justeru, konsep memelihara keturunan dapatlah difahami sebagai suatu tindakan yang melibatkan perlindungan dan pemeliharaan keturunan. Ia adalah penting untuk membentuk masyarakat yang sihat, produktif dan berkesan. Keturunan wajib dipelihara demi menjaga sistem sosial dalam masyarakat. Apabila keturunan telah rosak dengan sebab menyalahi agama dan tabi'ie manusia seperti penzinaan, liwat, lesbian, gay, dwiseksual dan sebagainya, maka struktur sosial akan menjadi bercelaru dan akhirnya akan runtuh jalur keturunan yang suci serta merosakkan maruah agama, bangsa dan negara. Keturunan perlu dihindari daripada unsur kemaksiatan dan kemungkaran. Oleh itu, menjadi tanggungjawab pemerintah atau kerajaan untuk mewujudkan dasar-dasar pencegahan dari segala hal yang berkaitan dengan perbuatan buruk serta bertentangan dengan ajaran agama dan norma masyarakat yang bertamadun. Selain itu, pemerintah juga turut dituntut untuk mewujudkan serta melaksanakan dasar-dasar yang berhubung dengan penjagaan keturunan bagi menggalakkan suasana kondusif, harmoni dan sejahtera dalam semua aspek keperluan hidup berkeluarga yang membentuk masyarakat majmuk.

Kesejahteraan melalui penjagaan akal

Penjagaan akal (*hifz al-aql*) harus diertikan tidak hanya pengharaman minuman yang memabukkan atau yang merosakkan akal, tetapi juga pembinaan daya fikir masyarakat, pembangunan budaya keintelektualan, perlawanan terhadap pembodohan dan apa sahaja yang meracuni pemikiran masyarakat (Siddiq Fadzil, 2018). Ini bermakna bahawa menjaga kepentingan akal adalah dengan memberi didikan yang baik kepada anak-anak terutamanya supaya apabila mereka dewasa kelak akan menjadi seorang yang mempunyai kebernasan fikiran dan mental yang sihat. Mental yang sihat sudah pasti akan memberi pengaruh positif terhadap emosi. Keadaan ini tentunya akan dapat membina personaliti yang positif dan menjadi seorang yang matang dalam memikirkan baik buruk sesuatu perkara. Natijahnya, individu-individu sebegini dapat menyumbang kepada ketenteraman dan kesejahteraan dalam kehidupan berkeluarga serta bermasyarakat.

Penjelasan di atas menunjukkan kepentingan pemeliharaan akal dalam kehidupan setiap individu. Pemeliharaan akal ini bolehlah diertikan sebagai perlindungan akal manusia daripada apa-apa yang akan memudarat serta merosakkan. Justeru itu, akal wajib dipelihara dan dipupuk dengan nilai-nilai mulia dan ilmu pengetahuan yang bermanfaat. Semua unsur yang menjurus kepada kehilangan dan merosakkan akal serta pemikiran seperti arak, dadah,



segala jenis unsur-unsur yang memabukkan serta filem yang merosakkan adalah wajar untuk dibanteras dan dihalang. Selain itu, penyediaan infrastruktur dan sistem pendidikan yang holistik serta terbaik menjadi tanggungjawab kerajaan bagi membolehkan setiap rakyat mendapat pendidikan sempurna. Penguasaan ilmu pengetahuan merupakan asas untuk mencapai kemajuan dan mewujudkan umat yang bertamadun. Dalam menghadapi cabaran globalisasi, faktor ilmu bersepadu, kemajuan sains dan teknologi sewajarnya menjadi fokus bagi melahirkan sumber tenaga manusia yang bukan sahaja mempunyai ilmu dan ketrampilan tetapi juga memiliki nilai-nilai murni yang sifatnya menyumbang terhadap pembangunan negara, bangsa dan manusia sejagat.

Kesejahteraan melalui penjagaan harta

Harta merupakan salah satu bentuk keperluan dalam kehidupan manusia. Ianya amat ingin dimiliki oleh kebanyakan manusia disebabkan harta mampu untuk memenuhi dan mencapai matlamat keperluan sama ada dalam bentuk *dharuriyyah*, *hajiyyah* atau pun *kamaliyyah*. (Yahya Jusoh dan Azhar Muhammad, 2005). Justeru itu, harta perlu diperolehi serta dijaga dan dipelihara bahkan perlu dikembangkan untuk kesejahteraan peribadi, keluarga dan masyarakat. Dalam konteks ini, menurut Siddiq Fadzil (2018) pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) tidak harus diertikan hanya sebagai pengawalan harta agar tidak hilang atau penggantiannya jika hilang tetapi juga sebagai pembangunan kemaslahatan ekonomi manusia (kerakyatan) dan pemerataan kemakmuran.

Penghuraian di atas telah menerbitkan satu kefahaman bahawa memelihara harta bermakna melindungi kekayaan masyarakat daripada kehancuran dan dari peralihan harta ke tangan orang lain dengan cara yang tidak sah termasuk larangan terhadap ketidakadilan, menafikan hak dan sebagainya. Dari sini dapat diterjemahkan betapa pemerintah wajib memelihara dan mengharamkan segala bentuk penindasan, amalan riba, penipuan, rasuah, monopoli yang tidak seimbang, cetak rompak, menipu hak intelek, manipulasi pasaran dan segala bentuk penyelewengan atau perkara-perkara yang menzalimi dan merugikan. Dalam konteks dasar kesejahteraan keluarga, pembangunan, pemilikan dan pengagihan perlu diambil perhatian berat secara adil bagi menjamin kitaran ekonomi dapat mensejahterakan keluarga dan negara.

Pembangunan ekonomi ini boleh dilakukan melalui pengukuhan sumber manusia, pendidikan, kemajuan teknologi, etika kerja, menggubal dasar-dasar kewangan dan fiskal yang betul untuk mempercepatkan pembangunan, akses kepada modal melalui pembiayaan mikro kepada golongan miskin serta memberi pekerjaan dan menyediakan peluang pekerjaan.

Daripada perbincangan *dharuriyyah al-khamsah* di atas dapatlah difahami bahawa elemen-elemen ini sebenarnya adalah kerangka yang akan membentuk kesejahteraan keluarga dalam masyarakat majmuk. Kesejahteraan ini juga difahami sebagai *sakinah* dan *mawaddah*. Kedua-duanya membawa pengertian ketenangan dan berkasih sayang yang amat sinonim bagi merujuk situasi keluarga yang sejahtera dan bahagia. Relatifnya, keluarga yang benar-benar menikmati kebahagiaan dan mencapai kesejahteraan adalah keluarga yang menunaikan aspirasi prinsip-prinsip maqasid syariah. Dalam hal ini maqasid syariah secara asasnya difahami sebagai pelakuan kebaikan atau memberi manfaat dan dalam masa yang sama menolak keburukan serta menghilangkan kemudaratan. Lantas maqasid syariah bolehlah dirujuk untuk kelangsungan hidup dan kepentingan manusia yang berkait secara langsung dengan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kefahaman dan penerimaan tentang maqasid syariah dalam jalur kekeluargaan akan menerbitkan satu standard bahawa keluarga yang stabil adalah keluarga yang dapat memelihara, mempertahankan atau menyediakan suasana kondusif terhadap kepentingan perkara-perkara tersebut.

KESIMPULAN DAN REKOMENDASI

Pelaksanaan syarat siasah syar'iyah secara tuntas dalam penggubalan dasar kesejahteraan keluarga adalah suatu manifestasi daripada kefahaman yang mendalam terhadap sumber *kitabullah*, sunnah, qiyas dan sumber ijmak ulama. Justeru itu, praktiknya adalah berdasarkan *maslahah* dan apabila sesebuah kerajaan hendak mewujudkan serta mengimplimentasikan sesuatu dasar maka ia mestilah berteraskan aspek *maslahah*. Bagi mencerakan pendekatan *maslahah* ini kefahaman terhadap maqasid syariah perlulah difahami secara mendalam untuk melahirkan hukum siasah yang adil dan dinamik. Maqasid syariah juga menjadi pengukur atau indikator mengenal pasti sumber ijtihad yang sahih atau palsu khususnya dalam menempuh dilema masa kini dalam menangani keperluan perundangan, ijtihad dan hukum yang belum wujud lagi pada zaman-zaman sebelumnya, sedangkan keadaan semasa didedahkan dengan isu-isu yang segar tetapi sangat mencabar memandangkan ia tidak mempunyai sumber hukum asal yang tertentu bahkan wujud elemen-elemen spekulatif dan futuristik. Justeru, bagi memastikan pelaksanaan siasah syar'iyah sentiasa bersifat dinamik dan progresif ia perlulah berlandaskan kepada syarat-syarat yang relevan sesuai dengan perubahan zaman yang pesat dan mencabar.

Adalah menjadi tugas pemerintah untuk memastikan kesejahteraan keluarga dalam sebuah kerajaan bermasyarakat majmuk sentiasa berkembang dan membangun mengikut acuan Islam yang syumul. Justeru itu, tuntutan untuk merealisasikan siasah syar'iyah sebagai mekanisme tadbir urus kerajaan perlu dilaksanakan oleh pemerintah mengikut syarat yang ditetapkan secara komprehensif dan holistik.



RUJUKAN

- Abd al-Rahman Taj (1415H), *al-Siyasah al-Syar'iyah wa al-Fiqh al-Islami*, Qaherah: al-Azhar.
- Abd. Moqsih Ghazali (2009), *Argumen Pluralisme Agama: Membangun Toleransi Berbasis Al-Qur'an*, Depok Kata Kita.
- Abdullah Md Zin (2013), *Wasatiyyah: Definisi Konsep dan Pelaksanaan*, Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia.
- Abdurrahman Taj (1993) *al-Siyasah al-Syar'iyah wa al-Fiqh al-Islami*, Mesir: Mathba'ah Dar al-Ta'lif.
- Abu Faris, Muhammad Abd al-Qadir (2011), *al-Nizam al-Siyasi fi al-Islam*, Dar al-Furqan li al-Nashru wa al-Tauzi'.
- Afzal-ur-Rahman (1991), *Doktrin Ekonomi Islam*, Jilid I. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sukardja (1995), *Piagam Madinah dan UUD 1945, Kajian Perbandingan Tentang Dasar Hidup Bersama dalam Masyarakat Yang Majemuk*. Jakarta: UI Press.
- al-Saidi, (1999), *Kebebasan Berpikir Dalam Islam*, (Hurriyyat al-Fikr fi al-Islam), terj. Ibnu Burdah, Adi Wacana, Yogyakarta, cet. I.
- al-Syatibi, Abu Ishak Ibrahim bin Musa (t.t), *al-Muwafaqat Fi Usul al-Syariah*. Beirut.
- Awang Nib Zuhairi (2014), *Pentadbiran Abdul Taib Mahmud Dalam Masyarakat Sarawak Dari Perspektif Islam*. (tesis master, tidak diterbitkan), Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Bretones, FD & Gonzales, MJ. (2011). "Subjective and occupational wellbeing in a sample of Mexican workers", *Social Indicator Research*.
- Kansil, C.S.T. (2001), *Ilmu Negara Umum dan Indonesia*. Jakarta: Pt. Pradnya Paramita.
- Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan, Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Sarawak (KWPKKS) (2020), *Laporan Akhir Kajian Indeks Kesejahteraan Sosial Sarawak*, Unit Perundingan Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2017), *Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016*, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), KL.
- Khallaf, Abd al-Wahab (1988), *al-Siyasah al-Syar'iyah fi al-Shu'un al-Dusturiyyah wa al-Kharijiyyah wa al-Maliyyah*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Khallaf, Abdul Wahhab (1978/1398), *Ilm Usul al-Fiqhi*, Cet-12, Dar al-Qalam.
- Maududi, Abu A'la (1992), *The Economic Problem of Man and Its Islamic Solutions*. Lahore: Islamic Publication (Pvt) Ltd.
- Mousavizadeh, Alexandra et. al (2016), *The Legatum Prosperity Index 2016*. London: The Legatum Institute Foundation.
- Sadeq, Abul Hasan Muhammad (1990), *Economic Development in Islam*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Sarawak Government (2017), "State Social Wellbeing Index being developed". Dipetik dari: https://sarawak.gov.my/web/home/news_view/223/8359/
- Sugiyono (2017), *Metode Penelitian Kualitatif: untuk Penelitian yang Bersifat Eksploratif, Enterpretif, Interaktif dan Konstruktif*. Bandung: Alfabeta.
- Zaidan, Abdul Karim (1988), *Kewajipan Menegakkan Negara Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Zaydan, Abd. al-Karim (1970), *al-Madkhal li Dirasat al-Shariah al-Islamiyyah, al-Ijtihad al-Islami al-Alami li Munazzamat al-Tullabiyyah*, t.tp., c. 2.

